



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2023**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

Kertas 2

Oktober 2023

2 ½ Jam

1249/2

PERATURAN PEMARKAHAN

SEJARAH

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **26** halaman bercetak.

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
1 (a)	Senaraikan dua pakatan tersebut.	
	F1 Kuasa Paksi	1
	F2 Kuasa Bersekutu	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[Mak 2m]
1 (b)	Mengapakah peperangan tersebut berlaku?	
	Perang Dunia Kedua di Eropah;	
	F1 Kemunculan ideologi baru.	1
	F2 Masalah wujud akibat kemelesetan ekonomi.	1
	F3 Penduduk Itali/Jerman mengadakan gerakan politik radikal.	1
	F4 Gerakan dipimpin oleh pemimpin nasionalis berfahaman melampau.	1
	F5 Fasisme di Itali/pimpinan Benito Mussolini/Parti Fasis.	1
	F6 Berjaya menguasai kerajaan Itali.	1
	F7 Keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu.	1
	F8 Percaya kepada nasionalisme melampau/ termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara.	1
	F9 Meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania.	1
	F10 Nazisme di Jerman/Pimpinan Adolf Hitler/Parti Nazi.	1
	F11 Membentuk kerajaan di Jerman.	1
	F12 Mengagungkan bangsa Jerman.	1
	F13 Memulihkan nasionalisme Jerman.	1
	F14 Membina angkatan tentera.	1
	F15 Menduduki Rhineland semula.	1
	F16 Ketidakpuas hati terhadap Perjanjian Versailles.	1
	F17 Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil.	1
	F18 Menjejaskan kedaulatan negaranya/kehilangan tanah jajahan/pampasan perang tinggi.	1
	F19 Itali tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles.	1
	F20 Tidak diberi tanah jajahan yang baru.	1
	F21 Kegagalan Liga Bangsa-bangsa.	1
	F22 menguatkuasa perjanjian pelucutan senjata.	1
	F23 Menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama.	1
	Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik;	
	F24 Dasar Perluasan Jepun.	1
	F25 Keperluan Perindustrian.	1
	F26 Pengaruh golongan tentera.	1
	F27 Orde Baharu Asia.	1
	F28 Sekatan ekonomi terhadap Jepun.	1
	F29 Rancangan penaklukan wilayah di selatan.	1
	(Mana-mana jawapan yang berkaitan) [Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]

1 (c)	Beri cadangan anda supaya keamanan dunia dapat dikekalkan tanpa peperangan? F1 Menyelesaikan konflik melalui rundingan 1 F2 Mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara 1 F3 Mengukuhkan hubungan diplomatik antara negara 1 F4 Menyertai pertubuhan antarabangsa 1 F5 Melindungi hak asasi penduduk dunia 1 F6 Mengelak perlumbaan senjata 1 F7 Memberi layanan yang adil dan saksama kepada semua negara 1 F8 Mematuhi undang-undang/resolusi PBB 1 (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4 x 1m]	[4 markah]
-------	---	-------------------

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
2 (a)	Nyatakan dua jawatankuasa yang terlibat dalam sambutan tersebut? F1 Jawatankuasa Persediaan Fizikal F2 Jawatankuasa Sambutan F3 Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka F4 Jawatankuasa Kerja Pusat merdeka F5 Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan F6 Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan [Mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 1 1 1 [Max 2m]
2 (b)	Jelaskan persediaan yang telah dilakukan oleh jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa Persediaan Fizikal; F1 Penonjolan identiti negara F2 Menyediakan prasarana fizikal F3 Membina stadium untuk meraikan kemerdekaan F4 Membina istana Yang di-Pertuan Agong F5 Lagu rasmi kebangsaan dicipta F6 Bendera persekutuan Tanah Melayu F7 Jata Negara diperkenan oleh Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1957 F8 Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan Jawatankuasa Sambutan; F9 Memeriahkan sambutan peringkat ibu kota dan negeri F10 Bangunan sekitar bandar/ jalan raya/ Padang Kelab Selangor dihiasi lampu F11 Sebanyak 75 ribu bendera ditempah khas dr kilang kain di Jepun F12 Pakaian khas menteri dan pegawai tinggi kerajaan/baju muscat F13 Kursus khas berkaitan protokol selama 3 hari oleh 300 pegawai F14 Kakitangan kerajaan diberi gaji seminggu awal F15 Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka F16 Jawatankuasa Kerja Pusat merdeka F17 Jawatankuasa perayaan Ibu Kota Persekutuan F18 Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan [Mana-mana 4 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]
2 (c)	Mengapakah peristiwa yang berlaku pada 31 Ogos 1957 perlu dihayati? Dari petikan sekurang-kurangnya Satu; F1 Kedaulatan negara terus terpelihara/berkekalan F2 Kemerdekaan akan dinikmati generasi akan datang/masa depan Pandangan calon maksima Tiga; F3 Mengambil iktibar peristiwa bersejarah F4 Menzahirkan semangat patriotisme F5 Menghargai pengorbanan tokoh terdahulu (Mana-mana jawapan yang munasabah) [Mana-mana 4 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
3 (a)	Apakah asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan?	
	F1 Berasaskan nilai tradisi/Kesultanan Melayu	1
	F2 Prinsip undang-undang Inggeris	1
	F3 Disesuaikan dengan nilai tempatan	1
	F4 Undang-undang Melayu	1
	F5 Raja sebagai pemerintah	1
	F6 Rakyat memberi ketaatsetiaan	1
	F7 Undang-undang/pemerintahan ditentukan raja	1
	F8 Hukum Kanun Melaka/Undang-Undang Laut Melaka/Hukum Kanun Pahang/Undang-Undang Kedah/Undang-Undang Johor/Undang-Undang 99 Perak	1
	F9 Undang-Undang Negeri Selat/Charter of Justice/Charter of Justice I/Charter of Justice II/Charter of Justice III	1
	F10 Undang-Undang yang digubal di England	1
	F11 The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949	1
	F12 Sabah Application of Laws Ordinance 1951	1
	[Mana-mana 3 x 1m]	[Mak 3]
3 (b)	Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Persekutuan tersebut	
	Tradisional;	
	F1 Kesultanan/pemerintahan beraja	1
	F2 Sultan merupakan pemerintah berdaulat	1
	F3 Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1
	F4 Setelah merdeka, pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen	1
	F5 Kuasa YDPA termasuklah kuasa mengampun / menanggukkan hukuman orang yang disabit kesalahan oleh mahkamah	1
	F6 Kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara	1
	F7 Peringkat negeri, raja adalah ketua negeri	1
	F8 Terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri	1
	F9 Mempunyai kuasa mengampun / menanggukkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah	1
	F10 Pelantikan jawatan utama negeri	1
	F11 Raja sebagai tonggak kehormatan / keadilan	1
	F12 Mengurniakan anugerah / penghormatan / bintang kehormat kepada individu terpilih	1
	F13 Agama Islam	1
	F14 Zaman British, raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British	1
	F15 Berkaitan dengan hak / kedaulatan raja / adat istiadat / agama Islam	1
	F16 Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing	1
	F17 Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa YDPA	1
	F18 Bahasa Melayu	1

F19	Digunakan dalam pemerintahan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka	1
F20	Menjadi lingua franca	1
F21	Berperanan sebagai bahasa ilmu	1
F22	Kini, menjadi bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi	1
F23	Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera	1
F24	Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja / ketua peribumi	1
F25	YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputera Sarawak dan Sabah/kepentingan sah kaum lain selepas merdeka	1
Moden;		
F26	Kerajaan Persekutuan	1
F27	Disebut dalam Perlembagaan Persekutuan / mewujudkan kerajaan Persekutuan	1
F28	Laporan Suruhanjaya Perlembagaan PTM menyarankan kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu	1
F29	Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi	1
F30	Sistem Demokrasi Berparlimen	1
F31	Asas demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955	1
F32	Tujuan memberikan kebebasan kepada rakyat	1
F33	Memilih wakil pemimpin / menubuhkan kerajaan	1
F34	Penubuhan SPR menentukan pilihan raya dijalankan dengan adil	1
F35	SPR bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya	1
F36	Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan Kewarganegaraan	1
F37	Pilihan raya negeri memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri	1
F38	Kewarganegaraan	1
F39	Mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian PTM	1
F40	Sebelumnya, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara	1
F41	Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja	1
F42	Terdapat penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka Pulau Pinang	1
F43	Kemerdekaan Tanah Melayu / pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya	1
[Mana-mana 3 x 1m]		[Max 3]

3 (c)	Bersetujukah anda Perlembagaan Persekutuan boleh menjamin kesejahteraan hidup rakyat? Beri penjelasan anda F1 Setuju/Tidak Setuju (Pendirian) 1 F2 Perlembagaan peraturan tertinggi yang perlu dipatuhi 1 F3 Panduan dalam sistem pemerintahan negara 1 F4 Keadilan untuk semua rakyat 1 F5 Pembahagian kuasa kerajaan membawa kepada kelancaran sistem pemerintahan 1 F6 Perlembagaan menjadikan negara berdaulat 1 F7 Membentuk masyarakat pelbagai kaum yang harmoni dan bersatu-padu 1 F8 Peraturan hidup rakyat 1 F9 Kemakmuran dan kesejahteraan negara 1 F10 Keadilan untuk semua rakyat 1 (Mana-mana jawapan yang munasabah) #Jika tiada pendirian maksima Tiga markah sahaja [Mana-mana 4 x 1m] [Mak 4]	
-------	---	--

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
4 (a)	Senaraikan dua NGO tersebut. F1 Aman Palestin 1 F2 Cinta Gaza Malaysia (CGM) 1 F3 Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia(MAPIM) 1 F4 Muslim Care Malaysia 1 F5 Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare) 1 F6 Cinta Syria Malaysia (CSM) 1 F7 Global Peace Mission (GPM) 1 F8 Mercy Malaysia 1 F9 Malaysian Relief Agency 1 F10 Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) 1 (Mana-mana jawapan yang berkaitan) [Mana-mana 2 x 1m]	[Max 2]
4 (b)	Jelaskan bantuan yang diberi oleh NGO Malaysia di negara tersebut? F1 Menyalurkan bantuan kebajikan 1 F2 Memberi bantuan perubatan dan kesihatan 1 F3 Membina infrastruktur dan prasarana 1 F4 Membantu pendidikan, pelajaran dan sekolah 1 F5 Membantu pengajian al-Quran dan agama 1 F6 Membantu perkembangan seni dan budaya 1 F7 Menubuhkan tabung Palestin/Syria 1 F8 Menyumbangkan kewangan kepada mangsa perang 1 F9 Menyumbangkan bekalan makanan 1 (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4 x 1m]	[Max 4]
4(c)	Bagaimanakah isu kemanusiaan dan keamanan boleh diatasi oleh masyarakat antarabangsa? F1 Mengadakan Hari Solidariti Palestin di seluruh dunia 1 F2 Mengadakan program kemanusiaan Free Gaza 1 F3 Mendidik anak-anak dari kecil membenci keganasan 1 F4 Menggalakkan masyarakat antarabangsa mencintai kanak-kanak 1 F5 Melibatkan PBB untuk menghalang keganasan kuasa besar 1 F6 Menghukum negara yang mencerooboh negara lain 1 F7 Memulaukan negara yang menyerang negara lain 1 F8 Melucutkan keanggotan negara yang terlibat dengan penindasan dan keganasan 1 (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4 x 1m]	[Max 4]

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
5 (a)	<i>Maklumat berikut berkaitan golongan intelektual yang berjuang dalam membangkitkan nasionalisme di negara kita.</i> <i>Intelektual berpendidikan agama</i> <i>Jelaskan perjuangan golongan intelektual tersebut.</i> F1 Kaum Muda menyalur idea melalui Gerakan Islah 1 F2 Menjadikan agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat/bijak ilmu agama 1 F3 Tokohnya Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/Syed Syeikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha 1 F4 Kesedaran mereka didorong oleh kecenderungan terhadap gerakan Islah di Timur Tengah 1 F5 Penubuhan madrasah oleh Kaum Muda 1 F6 Menyebarkan gerakan Islah 1 F7 Kesedaran pentingnya pendidikan/Mengajar ilmu agama 1 F8 Madrasah al-Attas di Johor Bahru, Johor/ Madrasah al-Khairiah al-Islamiah di Pokok Sena, Kedah/ Maahad al-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol, Perak 1 F9 Pelajarnya membawa kemajuan/ pemodenan dari aspek sikap/ pentafsiran tentang Islam 1 F10 Wanita diberi peluang belajar di madrasah 1 F11 Pembentukan intelektual baharu Islam mendorong mereka berusaha menyatukan rumpun Melayu 1 F12 Memajukan Islam melalui pentafsiran baharu 1 F13 Idea disalurkan melalui akhbar/ majalah 1 F14 Akhbar Al-Imam/Al-Ikhwan/ Neracha/ Tunas Melayu 1 F15 Kembali ajaran Islam sebenar/memperjuangkan agama Islam/ mempertahankan Islam 1 F16 Berpandu Al Quran/Hadis/pendidikan Al Quran/As Sunnah (mana-mana jawapan berkaitan) 1 [Mana-mana 4 x 1m] [Mak 4m]	
5 (b)	<i>Bagaimanakah perjuangan melalui penulisan membantu perkembangan nasionalisme negara kita?</i> F1 Perkembangan media cetak 1 F2 Melalui penerbitan akhbar/majalah F3 Penulisan karya kreatif F4 Penulisan Novel/Cerpen/Sajak F5 Berperanan mengetangahkan isu hak/ masa depan bangsa/ polemik Kaum Muda dengan Kaum Tua/ isu pentadbiran/ ekonomi/ sosial 1 F6 Syarikat Jelutong Press menyuburkan kegiatan penerbitan akhbar 1 F7 Intelektual berpendidikan Melayu/ Inggeris turut terlibat dalam perkembangan persuratan awal abad ke-20 1 F8 Mohammad Eunos Abdullah menerajui akhbar Utusan Melayu/ Lembaga Melayu 1	

F9	Muncul Warta Malaya/ Warta Jenaka/Fajar Sarawak/ Majlis/ Majalah Guru	1
F10	Pengarang Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali)/ Muhammad Yusof Abdul Hamid/ Dato' Onn Jaafar/ Abdul Rahim Kajai	1
F11	Bersuara tentang pendidikan/ politik tanah air	1
F12	Majalah berbahasa Inggeris / Malay Mail/ The Malaya Tribune	1
F13	Memuatkan perkembangan sosiopolitik/ ekonomi negara	1
F14	Fajar Sarawak ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf/ Muhammad Awi Anang/ Muhd Daud Abdul Ghani/ Haji Abdul Rahman Kassim untuk menyedarkan kaum yang dijajah	1
F15	Seruan Fajar Sarawak "fajar telah tersinsing, bangunlah wahai bangsaku" menggesa masyarakat bangkit menuju kemajuan	1
F16	Di Sabah, kebanyakan isu pendidikan/ tanah bumiputera/ kewangan petani disuarakan oleh Ketua Anak Negeri/ aktiviti persatuan sosiobudaya	1
F17	Akhbar masyarakat Cina/ India	1
F18	Editor Akhbar Cina merangsang pemikiran masyarakat Huachiao (kaum Cina seberang laut)	1
F19	Untuk mengekalkan identiti/ memperjuangkan nasib wanita	1
F20	Menyemai perasaan cinta akan negara China	1
F21	Orientasi/ aspirasi penulisan akhbar cenderung ke arah negara asal mereka	1
F22	Akhbar Lat Pao/ Modern Daily News/ Nanyang Tsung Hui Pao/ Chong Shin Yit Pao	1
F23	Memuatkan soal pemerintahan monarki/ pergolakan politik di China	1
F24	Menjelang 1929, orientasi penulisan lebih bersifat antiimperialisme	1
F25	Pada tahun 1930-an. akhbar Nanyang Siang Pao memperjuangkan soal kesatuan sekerja/ keadilan sosioekonomi bagi masyarakat kelas bawahan	1
F26	Masyarakat India cenderung menerbitkan akhbar walaupun tempoh operasinya singkat	1
F27	Kandungannya memperjuangkan kepentingan politik/ sosial masyarakat India di negara ini	1
F28	Akhbar Tamil Nesan melaporkan perkembangan di India/ kepentingan sosiopolitik masyarakatnya	1
F29	Karya kreatif /Penulisan kreatif	1
F30	Novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk	1
F31	Semua karya bertemakan semangat cinta akan negara/ perjuangan membela nasib bangsa	1
F32	Novel Mari Kita Berjuang oleh Abdullah Sidek mengajak masyarakat memerdekakan diri dari aspek ekonomi	1
F33	Puisi bertemakan semangat cinta akan negara	1
F34	Seperti "Angan-angan dengan Gurindam"/ "Sedarlah"/ "Semenanjung"/ "Serunai Pujangga"	1

	F35	Cerpen bertemakan semangat pejuang/ nasib bangsa/ cinta akan tanah air	1
	F36	Seperti “Rumah Besar Tiang Sebatang”/ “Cerita Awang Putat”/ “Di sini Kita Bukannya Orang Dagang”	1
	F37	Memberi kesedaran (Mana-mana jawapan berkaitan)	
		[Mana-mana 8 x 1m]	[Mak 8m]

5(c)	<i>Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.</i> Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh : <i>Maksima dari petikan Empat;</i> - <i>Nasionalisme mewujudkan masyarakat yang ingin mengekalkan kedaulatan sebuah negara.</i> - <i>Menjamin kemerdekaan warganegaraanya.</i> - <i>Membebaskan akal dan fikiran mereka.</i> - <i>Nasionalisme adalah semangat kebangsaan yang mencintai negara.</i> <i>Maksima pendapat calon Empat;</i> - <i>Nasionalisme merupakan semangat cinta akan bangsa dan tanahair.</i> - <i>Nasionalisme hari ini menentang penjajahan bentuk baharu seperti ekonomi.</i> - <i>Semangat kebangsaan penting untuk membina jati diri.</i> - <i>Semua kaum di Malaysia harus mempunyai semangat kebangsaan.</i> (Mana-mana jawapan munasabah)	7-8
------	--	-----

	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi /pengolahan menarik	5-6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
6 (a)	<i>Jelaskan latar belakang pembentukan Sistem Ahli.</i> F1 British menjalankan dasar dekolonisasi/langkah berkerajaan sendiri. 1 F2 Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan. 1 F3 Dato'Onn Jaafar meminta tindakan diambil untuk menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan. 1 F4 Usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. 1 F5 Sir Henry Gurney/Pesurujaya Tinggi British mengumumkan senarai anggota Sistem Ahli. 1 F6 Sistem Ahli dilaksanakan bulan April 1951 hingga Jun 1955. 1 F7 Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran PTM. 1 F8 Beberapa orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap jabatan dan agensi kerajaan. 1 F9 Portfolio kekal dibawah pentadbiran British. 1 F10 Hal Ehwal Ekonomi / Perindustrian/ Perhubungan Sosial / Perumahan/ Kerja Raya 1 F11 Ahli mempunyai portfolio masing-masing. 1 F12 Dato' Onn Jaafar / E.E.C Thuraisingham / Lee Tiang Keng / 1 F13 Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid / Dato' Mahmud Mat/ 1 Dato' Nik Ahmad Kamil / H.S. Lee / Dr. Ismail Abdul Rahman F14 Pada tahun 1954, berlaku rombakan Sistem Ahli/beberapa portfolio baharu diwujudkan. 1 F15 Hal Ehwal Dalam Negeri/ Pelajaran/ Kesihatan/ Pertanian/ Perhutanan/ Tanah/ Lombong/ Perhubungan/ kerajaan tempatan/ Perancang Bandar/ Pengangkutan/ Hasil bumi [Mana-mana 6 x 1m] 1	[Mak. 6m]
6 (b)	<i>Terangkan manfaat pelaksanaan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan.</i> F1 Menyediakan langkah ke arah berkerajaan sendiri 1 F2 Ke arah kemerdekaan negara 1 F3 Ahli bertaraf menteri 1 F4 Berlatih menjadi pentadbir/ melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran 1 F5 Satu kabinet masa hadapan 1 F6 Mengatasi masalah kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan 1 F7 Memberi peluang pentadbiran kepada wakil tempatan 1 F8 Anggota MPP diberi tanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan 1 F9 Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang berkaitan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP 1 F10 Memupuk perpaduan kaum 1 F11 Ahli terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum 1	

	F12 Kemerdekaan mendapat sokongan seluruh penduduk PTM F13 Idea untuk mengurus tadbir negara selepas merdeka F14 Menjadi asas kepada sistem Jemaah Menteri / kabinet F15 Mengukuhkan permuafakatan antara pemimpin pelbagai kaum F16 Mewujudkan pentadbiran sistematik F17 Mewujudkan kestabilan politik F18 Meningkatkan perkembangan ekonomi F19 Meningkatkan taraf hidup rakyat (Mana-mana jawapan berkaitan)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[Mak. 6m]
6 (c)	Berdasarkan petikan tersebut, huraikan peranan pemimpin muda untuk membangunkan negara. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Contoh :</i> <i>Dari petikan sekurang-kurangnya Satu;</i> - Mengetuai kementerian tertentu untuk memajukan negara - Memberi idea dengan melakukan perubahan yang Bermanfaat untuk jangkamasa panjang. - Menjadi pemimpin pelapis kepemimpinan negara <i>*calon boleh mengambil Tiga dari petikan</i> <i>*jika calon memberi pandangan sahaja tanpa dari petikan</i> <i>Markah maksima Empat.</i> <i>Pandangan pelajar sekurang-kurangnya Tujuh;</i> - Menggunakan kemahiran/kelebihan daripada aspek teknologi dan teknikal - Memacu kemajuan negara / kemakmuran ekonomi negara dihormati diperingkat antarabangsa - Mengukuhkan ilmu pengetahuan melalui kursus - Meningkatkan pengalaman mentadbir - Menambah pengetahuan di bidang politik - Mempunyai wawasan menuju negara maju - Menjadi pemimpin bertaraf dunia (Mana-mana jawapan munasabah)	7-8

	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	5-6 3-4 1-2
--	---	----------------------------------

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
7 (a)	<i>Jelaskan peranan Majlis Raja-Raja mengikut perlembagaan Persekutuan.</i> F1 Memilih Yang di-Pertuan Agong 1 F2 Memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong 1 F3 Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja 1 F4 Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu 1 F5 Ketua Audit Negara/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Atasan/Pengerusi dan Ahli SPR 1 F6 Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu/Bumiputera di Sarawak dan Sabah/kepentingan sah kaum lain 1 F7 Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu 1 F8 Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan 1 F9 Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	
(b)	<i>Peranan Yang Dipertuan Agong mengikut Perlembagaan berdasarkan bidang berikut:</i> (i) Eksekutif; F1 Mengikut nasihat Jemaah Menteri 1 F2 Melantik Perdana Menteri 1 F3 Melantik Jemaah Menteri/Menteri-Menteri 1 F4 Melantik Timbalan Menteri 1 F5 Pelantikan jawapan penting 1 F6 Peguam Negara/Panglima Angkatan Tentera/Ketua Audit Negara 1 F7 Ahli Suruhanja Pilihanraya/Ahli Suruhajaya Polis/Ahli Majlis Angkatan Tentera 1 F8 Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera 1 F9 Melantik diplomat 1 F10 Menerima menghadap diplomat asing 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	
	(ii) Perundangan F1 Memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang 1 F2 Memanggil Parlimen bersidang 1 F3 Memberhenti/membubar Parlimen 1 F4 Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri 1 F5 Wilayah Persekutuan/Melaka/Pulau Pinang/Sarawak 1 F6 Menjaga/Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/bumiputera Sarawak dan Sabah 1 F7 Melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia. 1 F8 Mengisytiharkan darurat 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	

	(ii) Kehakiman F1 Melantik hakim Mahkamah Atasan 1 F2 Atas nasihat Perdana Menteri 1 F3 Dipertimbang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman/Berunding berunding dengan Majlis Raja-Raja 1 F4 Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara/Presiden Mahkamah Rayuan/Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya/Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah/Hakim Mahkamah Persekutuan/Hakim Mahkamah Rayuan/Hakim Mahkamah Tinggi 1 F5 Mengampunkan hal jenayah di Wilayah Persekutuan 1 F6 Atas nasihat Lembaga Pengampunan 1 F7 Mengampunkan/menangguhkan/meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera/Mahkamah Syariah Melaka/Pulau Pinang/Sabah/Sarawak dan Wilayah Persekutuan 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	
(c)	Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara sekiranya Majlis Raja-Raja diperkukuhkan? Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Cadangan jawapan <i>Dari petikan sekurang-kurangnya Empat;</i> - Majlis Raja-Raja mempunyai hubungan dengan Kesultanan Melayu - Majlis diberi tanggungjawab mengambil alih kuasa pengampunan di Peringkat negeri - Majlis Raja-Raja menjadi jurubicara bagi institusi beraja - Mempertahankan kepentingan dan kehormatan institusi berkenaan <i>Kesan kepada negara sekurang-kurangnya Empat;</i> - Meningkatkan kewibawaan pemerintahan beraja - Mengekalkan/melindungi keistimewaan orang Melayu - Menjadi rujukan dalam hal orang Melayu dan Bumiputera - Pentadbiran berjalan lebih lancar - Mengekalkan kedaulatan undang-undang [mana-mana jawapan munasabah]	7-8

	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi /pengolahan menarik	5-6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
8 (a)	Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut Dari petikan sekurang-kurangnya Tiga; F1 Kempen tersebut ialah Bulan Bahasa Kebangsaan F2 Slogan Bahasa Jiwa Bangsa dilancarkan F3 Rakyat digalakkan mencintai Bahasa Kebangsaan menggunakan slogan Cintailah Bahasa Kebangsaan Pandangan pelajar dari gambar sekurang-kurangnya Tiga; F4 Rakyat perlu berbangga Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan F5 Bahasa kebangsaan melambangkan maruah bangsa F6 Rakyat perlu menggunakan bahasa kebangsaan dalam komunikasi (mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 6 x 1m]	[6 Markah]
8 (b)	Terangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan F1 Penubuhan DBP bertujuan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi F2 Memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu F3 Menganjurkan seminar menarik minat terhadap bahasa Melayu F4 Menganjurkan Minggu Bahasa F6 Melancarkan slogan Bahasa Jiwa Bangsa. (mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 6 x 1m]	1 1 1 1 [Mak 6m]
8 (c)	Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Cadangan Jawapan - bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah - dalam proses pembelajaran dan pengajaran - murid pelbagai kaum berpeluang belajar satu bahasa yang sama - murid dapat berinteraksi antara satu sama lain - murid Melayu, Cina dan India boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa kebangsaan	7-8

	- Bahasa Kebangsaan sebagai lambang jati diri warganegara Malaysia - Jati diri merupakan satu sifat yang perlu ada dalam diri warganegara tidak kira kaum dan etnik yang berbeza - bagi memupuk semangat cinta akan negara. (mana-mana jawapan munasabah) Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi /pengolahan menarik Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	5-6 3-4 1-2
--	---	----------------------------------

Soalan	Perkara/Huraian	Markah
9 (a)	<i>Matlamat dasar luar yang ingin dicapai oleh Malaysia ialah untuk mengekalkan kedaulatan negara. Namun begitu pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luarnya.</i> <i>(a) Pada pendapat anda, apakah cabaran tersebut?</i> F1 Cabaran Politik Antarabangsa 1 F2 Mengamalkan dasar berkecuali 1 F3 Menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi 1 F4 Menjalinkan hubungan dengan negara China 1 F5 Lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974 1 F6 Cabaran Politik Serantau 1 F7 Peluasan pengaruh komunis di Indochina 1 F8 Ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara 1 F9 kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara 1 F10 Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia 1 F11 Membincangkan pergolakan di Indochina/masa hadapan rantau Asia Tenggara 1 F12 Cabaran Keselamatan dan Pertahanan 1 F13 Anglo —Malaysian Defence Agreement (AMDA), ditamatkan pada tahun 1971 1 F14 Menandatangani perjanjian pertahanan baharu - Five Power Defence Arrangements—FPDA atau Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971 1 F15 Melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia 1 F16 Memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama 1 F17 Memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara 1 F18 Bekerjasama dengan negara ASEAN 1 F19 Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan 1 F20 Untuk memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara 1 F21 Menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand tahun 1965 1 F22 Cabaran pembangunan ekonomi 1 F23 Dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah/getah/hasil minyak/gas negara 1 F24 Menjadi anggota pertubuhan antarabangsa seperti 1	

9 (b)	F25	International Tin Council (ITC) atau Majlis Timah	1
	F26	Antarabangsa/General Agreement on Tariffs and Trade	
	F27	(GATT) atau Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan	
	F28	Mendesak agar harga barangan dapat dikawal disuarakan melalui organisasi ini	1
	F29	Bagi membolehkan Malaysia memperoleh hasil daripada minyak dan gas	1
	F30	Menubuhkan PETRONAS 1974	1
	F31	Untuk membangunkan sektor minyak dan gas negara (Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]
		<i>Terangkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut dalam usaha mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa:</i>	
		<i>(i) NAM</i>	
	F1	Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi	1
	H1a	tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003	1
	H1b	deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin	1
	H1c	Serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq	
	H1d	dianggap pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil	
	H1e	Menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak NAM	1
	H1f	Membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia	
	H1g	Negara kita menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006	1
	H1h	Dilaksanakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi/Perdana Menteri Malaysia	1
	H1i	Menjulung nama Malaysia dalam kalangan negara anggota	1
	H1j	Malaysia berusaha untuk meningkatkan tahap kemajuan dan pembangunan anggota NAM	1
	H1k	serta bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati	1
	F2	Peranan dalam Politik	1
	H2a	Lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia dan negara lain	1
	H2b	seperti isu Aparteid/Bosnia dan Herzegovina	1
	H2c	Platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid	1
	H2d	Bersetuju tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan	1
	H2e	Membangkitkan isu berkaitan dengan Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia pada Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia (1992)	1
	H2f	Kedudukan Yugoslavia sebagai salah sebuah negara pengasas NAM digantung	1

H2g	Tindakan menggantung keahlian Yugoslavia merupakan hasil kejayaan bersama Malaysia dan negara anggota yang lain	1
H2h	Turut menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina	1
F3	Dasar Keamanan dan Berkecuali	1
H3a	suara serta pandangan Malaysia yang meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali sering diutarakan	1
H3b	Malaysia berpandangan bahawa negara kuasa besar seperti China/Rusia/Amerika Syarikat perlu mengakuinya	1
H3c	serta tidak campur tangan/memberikan tekanan kepada negara di rantau tersebut	1
H3d	Menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 dalam isu kawalan senjata nuklear	1
H3e	sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut	1
[Mana-mana 4 x 1m] [Mak 4m]		
<i>Terangkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut dalam usaha mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa:</i>		
<i>(ii) OIC</i>		
F1	Setiausaha Agung Pertama	1
H1a	pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama 1970 - 1974	1
H1b	Tugasnya mengukuhkan OIC	1
H1c	Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya	1
F2	Pengerusi OIC	1
H2a	Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima dilantik sebagai pengerusi pertubuhan ini pada tahun 2003.	1
H2b	Sebagai pengerusi, Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang sedang melanda masyarakat Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran.	1
H2c	Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan dan menolak keganasan.	1
F3	Pembangunan Pendidikan	1
H3a	Memberikan penekanan kepada pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan	1
H3b	melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan	1
H3c	Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	1
H3d	Memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini	1
F4	Menangani Isu Politik Negara Islam	1
H4a	Menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam	1
H4b	Palestin/Afghanistan/perang Iran-Iraq	1
H4c	Menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq	1

H4d	Sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB	1
H4e	Memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin	1
H4f	dan Palestine Liberation Organization — PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin)	1
H4g	Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantau Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur	1
H4h	Menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri	1
H4i	termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka	1
H4j	Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul	1
H4k	Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur 1984	1
F5	Pembangunan Ekonomi	1
H5a	Aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC	1
H5b	Menyokong aktiviti Islamic Development Bank — IsDB (Bank Pembangunan Islam) yang ditubuhkan pada tahun 1973	1
H5c	Menyertai IsDB pada tahun 1974	1
H5d	Memperoleh faedah berupa pinjaman	1
H5e	untuk membiayai projek pembangunan negara	1
H5f	IsDB membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam	1
H5g	melalui penubuhan bank Islam di serata dunia	1
H5h	seperti Dubai Islamic Bank pada tahun 1975/Islamic Bank of Bahrain pada tahun 1979/Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]

9(c)	Huraikan maklumat dalam petikan dan beri komen anda mengenai isu yang disentuh dalam petikan. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Cadangan jawapan <i>Dari petikan sekurang-kurangnya Empat;</i> - Malaysia menyokong pendirian bersama OIC di Afghanistan - Mengukuhkan komitmen dan sokongan terhadap Afghanistan - Mengetengahkan harapan masyarakat antarabangsa - Memberi tumpuan kepada penyaluran bantuan kemanusiaan <i>Komen anda sekurang-kurangnya Empat;</i> - OIC masih relevan mempertahankan negara Islam - OIC boleh mengumpulkan bantuan kemanusiaan - PBB sepatutnya tidak menyebelahi mana-mana - PBB boleh menggunakan pengaruhnya untuk perdamaian [mana-mana jawapan munasabah] Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi /pengolahan menarik Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	7-8 5-6 3-4 1-2
------	--	---

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT